

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:-

- a) Apakah usaha pihak Kementerian bagi mengatasi masalah pelarian Rohingya yang lari daripada kem pelarian dan menceroboh masuk ke perairan negara; dan
- b) Apakah bentuk kerjasama negara serantau yang telah dijalankan bagi menangani masalah pelarian Rohingya ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat [Parit]** atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Seperti Dewan yang mulia sedia maklum, kemasukan pendatang asing tanpa izin dari negara-negara jiran ke Malaysia, termasuklah pelarian Rohingya dari Myanmar menjadi cabaran kepada negara, terutama semasa krisis COVID-19 ini.

3. Justeru, bagi menangani cabaran ini, Kerajaan menerusi pasukan keselamatan negara telah melaksanakan kawalan serta pemantauan rapi khususnya di sempadan daratan dan lautan negara. Seperti yang telah disebut berulang kali oleh Menteri Kanan Keselamatan juga,

Kerajaan memberi jaminan akan bertindak tegas terhadap individu yang didapati bersalah memasuki negara ini tanpa dokumen yang sah. Kerajaan juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang bersubahat dalam usaha membawa masuk pendatang asing tanpa izin ke negara ini.

4. Di pihak Kementerian Luar Negeri, isu ini sememangnya telah dan akan terus dibangkitkan di peringkat antarabangsa. Ia bukan sahaja untuk memastikan cabaran yang dihadapi Malaysia ini difahami masyarakat antarabangsa tetapi lebih penting untuk memastikan setiap negara khususnya Myanmar mengambil tanggungjawab dalam menyelesaikan isu pelarian Rohingya ini.

5. Sebagai contoh, semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-36 pada 26 Jun 2020, YAB Perdana Menteri sendiri telah menyuarakan bahawa isu Rohingya telah membebankan negara-negara jiran termasuk Malaysia. Atas dasar itu, YAB Perdana Menteri menyeru agar Myanmar mengambil tindakan yang lebih konkrit bagi menyelesaikan isu ini. Beliau turut mencadangkan negara-negara ASEAN bekerjasama dalam usaha membanteras jenayah pemerdagangan manusia yang menjadi antara punca kemasukkan secara haram pelarian Rohingya ke negara-negara ASEAN.

6. Selain itu, isu pelarian Rohingya ini turut telah dibangkitkan beberapa kali sewaktu perbincangan antara saya dengan rakan-rakan sejawat. Selain menyeru masyarakat antarabangsa terus memberikan perhatian serius terhadap isu ini, saya turut menggesa agar Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNCHR) mengambil tanggungjawab serta mengotakan janji untuk menempatkan pelarian Rohingya termasuk yang berada di Malaysia ke negara-negara ketiga.

7. Mengenai usaha di peringkat dua hala, Kerajaan akan terus berbincang dari semasa ke semasa dengan Myanmar bagi mencari penyelesaian yang menyeluruh dan berkekalan terhadap isu ini. Kerajaan juga akan terus bekerjasama rapat dengan Bangladesh dalam

usaha membanteras sindiket pemerdagangan manusia membabitkan pelarian Rohingya.

8. Mengenai kerjasama serantau, Malaysia dan semua negara ASEAN sentiasa menyatakan kesediaan untuk membantu Myanmar. Antara usaha yang telah dilaksanakan ialah, ASEAN menerusi Pasukan Sokongan Adhoc Sekretariat ASEAN telah mengemukakan saranan-saranan berkenaan proses repatriasi pelarian Rohingya. Seterusnya, satu Penilaian Keperluan Komprehensif akan dilaksanakan untuk mengenal pasti aspek-aspek proses repatriasi yang memerlukan penambahbaikan.

9. Walaubagaimanapun, Malaysia tetap mengesa Myanmar agar meningkatkan usaha dan memanfaatkan peluang kerjasama dengan negara-negara ASEAN demi menyelesaikan isu Rohingya ini dengan telus memandangkan isu ini bermula dari negara mereka.

10. Dalam pada itu, selain kerjasama melibatkan negara-negara ASEAN berhubung proses repatriasi, Malaysia juga telah mengesa negara-negara ASEAN bekerjasama rapat dalam usaha menangani isu pemerdagangan manusia, selaras dengan Konvensyen ASEAN berkenaan Pemerdagangan Manusia Terutamanya Wanita dan Kanak-Kanak (ACTIP 2015), dan Pelan Tindakan ACTIP.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Penting untuk diingatkan, terdapat beberapa cabaran untuk menyelesaikan isu Rohingya, termasuklah repatriasi, isu kewarganegaraan, akauntabiliti dan kelangsungan bantuan kemanusiaan. Biarpun isu ini amat rumit, Malaysia akan terus mengambil pelbagai pendekatan, di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa agar isu ini dapat ditangani dengan telus dan jalan penyelesaian dapat dicapai segera.

Sekian, terima kasih.